

05 OCT 2002

Mahathir-Kejayaan

DR MAHATHIR: KEJAYAAN NEGARA HASIL PEMERINTAHAN CEKAP BN

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Semua kemajuan negara yang dicapai sejak kemerdekaan 45 tahun yang lalu adalah hasil pemerintahan yang cekap dan bijaksana kerajaan Barisan Nasional (BN), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya melalui perancangan rapi kerajaan BN, serta strategi pembangunan yang berwawasan, rakyat dan negara ini telah dapat dibangun dan dimajukan dengan pesat, tersusun dan menyeluruh.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, berkata kerajaan telah mengadakan pelbagai pelan pembangunan seperti rancangan Malaysia lima tahun, 10 tahun dan 20 tahun umpamanya Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara untuk membina rakyat dan memakmurkan negara.

"Ternyata usaha kerajaan itu tidak sia-sia kerana rancangan pembangunan yang dilancarkan setakat ini mendatangkan hasil seperti apa yang dirancangkan dan dilihat hari ini di sekeliling kita," katanya semasa merasmikan Persidangan Perwakilan ke-31 Parti Gerakan Rakyat Malaysia (Gerakan) di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Kejayaan membangunkan negara juga, katanya, menunjukkan keikhlasan dan kejujuran kerajaan BN untuk membantu rakyat dalam memperbaiki dan meningkatkan taraf kedudukan sosio-ekonomi mereka.

"Kejayaan ini dengan sendirinya menafikan tuduhan atau tohmahan pelbagai pihak, terutamanya parti-parti pembangkang serta puak-puak ekstremis kaum atau agama, bahawa pembangunan atau dasar-dasar kerajaan kononnya menyusah atau membebankan rakyat.

"Kerajaan sering dituduh melakukan diskriminasi kaum, budaya, bahasa dan agama. Tuduhan-tuduhan ini bukan sahaja dilemparkan oleh rakyat tempatan malah juga orang asing yang tidak senang dengan kemajuan rakyat dan negara kita," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata selain perancangan baik kerajaan, sikap toleransi, kerjasama dan perpaduan erat semua parti komponen BN juga merupakan satu daripada faktor yang menolong dalam pembangunan pesat negara.

Perdana Menteri berkata sokongan bulat parti komponen BN kepada apa sahaja dasar atau tindakan yang diputuskan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara, telah menjamin kelancaran sesuatu perancangan atau tindakan kerajaan.

Beliau berkata disebabkan itu persefahaman antara parti-parti komponen amat penting dan harus terus dipelihara.

Parti komponen BN juga tahu batasan mereka apabila membuat tuntutan bagi pihak anggota mereka dan semangat ini dapat mengelakkan ikatan BN menjadi lemah akibat mana-mana parti komponen membuat tuntutan atau mengambil tindakan melampau, katanya.

-- BERNAMA

SR ZS RON